GARIS PANDUAN PAPAN IKLAN LUAR PREMIS PERNIAGAAN

i) Wajib mempamerkan keterangan aktiviti perniagaan di dalam Bahasa Malaysia dan hendaklah ditulis disebelah kiri dan diasingkan kedudukan dengan lain-lain perkataan;

ii) Saiz perkataan bagi aktiviti perniagaan hendaklah sekurang-kurangnya 75% dari nama syarikat;

iii) Mencatatkan nombor rujukan lesen dan pemilik perniagaan disebelah bawah kanan iklan dengan saiz sekurang-kurangnya 1.5 mm;

iv) Mesej serta visual iklan yang dipaparkan mestilah mendapat kelulusan Majlis Bandaraya Ipoh dan tidak menyentuh sensitiviti sesuatu kaum, bangsa, agama & negara;

v) Objek / gambar yang dipaparkan mestilah tidak mencolok mata / lucah;

vi) Sebarang perubahan lokasi, sazi, bentuk dan visual iklan, permohonan hendaklah dikemukakan terlebih dahulu ke Bahagian Pelesenan untuk kelulusan dan sekiranya struktur iklan telah diroboh / buka maka hendaklah dimaklumkan juga;

vii) Premis yang bukan dimiliki oleh orang Islam tidak dibenarkan menggantung / mempamerkan apa-apa pameran yang boleh mengelirukan umat Islam seperti ayat-ayat kaligrafi Al Quran termasuk Bismillah / grafik yang melambangkan agama Islam termasuk penggunaan nombor 786 dan logo / gambar masjid;

viii) Saiz pemasangan papan iklan adalah mengikut kesesuaian bangunan kecuali bagi pusat bandar dan bangunan yang mengadap kearah jalan protocol dimana saiz yang dibenarkan adalah 20x4. Bagi kawasan-kawasan selain daripada yang dinyatakan di atas saiz yang dibenarkan adalah 20x6 dan 20x8. Penutupan tingkap / ruang fasad bangunan sepenuhnya adalah tidak dibenarkan.

ix) Lesen pengiklanan yang telah tamat tempoh hendaklah diperbaharui dalam tempoh 14 hari selepas atau sebelum tamat tempoh.